

30/11/1997

Gerak kerja sedarkan rakyat

ALOR STAR: Umno mengadakan road show melalui program gerak kerja khas di seluruh negeri dalam usaha menyemarakkan semangat rakyat bagi meningkatkan semula ekonomi negara yang terjejas.

Ketua Penerangan Umno, Datuk Dr Yusof Nor, berkata program itu sejajar dengan penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC) yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, minggu lalu.

Yusof berkata, Umno yang mempunyai 2.7 juta ahli wajar bertindak menyebarkan pelbagai maklumat dan penerangan mengenai keadaan ekonomi negara sekarang.

"Langkah itu bagi mengelakkan penduduk negara ini tidak terus dihantui dengan pelbagai fitnah jahat golongan tertentu yang boleh merosakkan fikiran mereka," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan majlis forum penerangan anjuran Umno Kedah, di Dewan Tunku di sini semalam, beliau berkata, sebenarnya kedudukan ekonomi negara tidak seburuk seperti dakwaan sesetengah pihak.

Kedah menjadi negeri kedua mengadakan majlis itu selepas Terengganu dan akan diikuti Johor pada bulan depan.

Beliau berkata, pihaknya akan memberi tanggungjawab menyampaikan maklumat yang sebenar mengenai keadaan ekonomi kepada pemimpin Umno negeri dan bahagian.

"Mereka perlu melaksanakan tugas itu bagi membantu kerajaan menstabilkan semula keadaan ekonomi negara," katanya.

Mengenai majalah Versi Bangsa yang dikeluarkan tiga bulan sekali untuk ahli Umno mulai awal tahun ini, Dr Yusof berkata, pihaknya tidak bercadang menambahkan bilangan melebihi 500 naskhah bagi setiap keluaran.

(END)